

Volume II
No. 1



Monday
2nd May, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

**SPEECH OF HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN
AGONG [Col. 3]**

**MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTA-
TIVES [Col. 32]**

BUSINESS OF THE SENATE [Col. 33]

SUSPENSION OF STANDING ORDER [Col. 34]

MOTIONS:

Police Action in South Africa [Col. 34]

Address of Congratulation to His Majesty [Col. 63]

Committee of Selection [Col. 67]

Address of Thanks to His Majesty [Col. 68]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 103]



FEDERATION OF MALAYA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Official Report

Vol. II

Second Session of the First Dewan Negara

No. 1

Monday 2nd May, 1960

The Senate met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. President (DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S.).

.. the Minister of Justice (TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.)
(Appointed).

.. TUAN HAJI ABBAS BIN HAJI MOHAMED (Trengganu).

.. ENCHE' ABDUL HAMID BIN MAHMUD, J.M.N. (Appointed).

.. ENCHE' AHMAD BIN SAID, A.M.N. (Perak).

.. ENCHE' A. M. ABU BAKAR, J.M.N. (Appointed).

.. ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).

.. ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).

.. ENCHE' CHAN KWONG HON, A.M.N., J.P. (Selangor).

.. ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).

.. DATO' DR. CHEAH TOON LOK, J.M.N., J.P., Dato' Maha Kurnia
(Appointed).

.. ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).

.. ENCHE' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P. (Appointed).

.. ENCHE' DA ABDUL JALIL (Trengganu).

.. ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).

.. DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

.. ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).

.. ENCHE' MOHD. SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).

.. ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL (Kedah).

.. ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., P.J.K.
(Appointed).

.. ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).

.. ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).

.. ENCHE' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N.
(Appointed).

.. TUAN HAJI NIK MOHD. ADEEB BIN HAJI NIK MOHAMED
(Kelantan).

.. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K.
(Appointed).

.. RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).

.. DATO' SHRIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P.
(Johore).

The Honourable DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).

- „ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).
- „ TUAN SYED BAHALDIN BIN SYED NOH, J.P. (Perlis).
- „ ENCHE' T. H. TAN, J.M.N. (Appointed).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' S. O. K. UBaidULLA (Appointed).
- „ ENCHE' WAN AHMAD BIN WAN DAUD, P.J.K., J.P., (Perlis).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., J.P., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ ENCHE' YAP KHEN VAN, A.M.N., J.P. (Pahang).

ABSENT:

The Honourable ENCHE' HASHIM BIN AWANG, J.P. (Penang).

- „ ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Deputy Prime Minister and Minister of Defence (TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N.).

- „ the Minister of Finance (ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.).
- „ the Minister of the Interior (DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N.).
- „ the Minister of Transport (ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR).
- „ the Minister of Commerce and Industry (ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI).
- „ the Assistant Minister of Education (ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.).

PRAYERS

(Mr. President *in the Chair*)

SPEECH OF HIS MAJESTY
THE YANG DI-PERTUAN
AGONG ON 19TH APRIL, 1960

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat saya hendak mema'alumkan kepada Majlis ini ia-itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnianya telah bertitah kepada Parlimen pada 19 haribulan April, 1960, tatkala membuka Parlimen Penggal Yang Kedua. Saya telah menerima salinan Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda itu dan saya perentahkan supaya Titah ucapan itu di-bentangkan dalam Meshuarat dan lagi Titah itu di-chetak dalam Perbahathan Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Tuan Yang di-Pertua Dewan
Ra'ayat dan Yang Berhormat
Ahli² Dewan Negara dan Dewan
Ra'ayat:**

Sa-belum Beta melafadzkan ucapan Beta pada hari ini mari-lah kita bersama² berdo'a ka-hadzrat Allah Subhanahu wata'ala moga² di-chuchuri-nya rahmat ka-atas roh Al-marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad dan menguchapkan ta'aziah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tunku Khursiah, Permaisuri Al-marhum Baginda. Di-sapanjang masa yang singkat Al-marhum bersemayam di-atas singgahsana Kerajaan sa-bagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama Al-marhum telah memerintah dengan 'adil lagi bijaksana. Ra'ayat jelata sakalian telah menumpahkan ta'at setia dan

kaseh sayang kapada Baginda dan Al-marhum telah menunjukkan suatu contoh yang gilang gemilang yang harus di-kenang oleh Yang di-Pertuan Agong—Yang di-Pertuan Agong kemudian daripada Al-marhum itu. Kita bersama² menyertai perasaan duka nestapa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tunku Khursiah atas kemangkatan Al-marhum itu. Duli Yang Maha Mulia sa-sungguh-nya sentiasa bersama² di-sisi Al-marhum membantu pada menjayakan tanggungan Al-marhum yang berat². Sambil ra'ayat Negara ini bermashghul, mereka juga berasa megah dengan pemerentahan kedua² Baginda itu.

Sekarang Beta minta tuan² bersama² Beta bangun bertafakkur sa-lama dua minit sa-bagai tanda hormat dan kedukaan kita.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Tuan Yang di-Pertua Dewan
Ra'ayat, Yang Berhormat Ahli²
Dewan Negara dan Dewan
Ra'ayat:**

Dalam ucapan Beta yang pertama kapada tuan² sa-bagai Yang di-Pertuan Agong maka Beta mengambil peluang berikrar bahawa Beta bersama² dengan Raja Permaisuri Agong akan berkhidmat kapada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan akan menegakkan dasar² demokerasi dan pemerentahan yang berperlembagaan. Beta berdo'a moga² dalam masa pemerentahan Beta, Parlimen ini ia-itu termasuk-lah Beta dan tuan² sakalian akan memimpin negara kita ini ka-araf keamanan dan kemad'amonan.

Meshuarat² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang di-adakan sa-lepas ini ada-lah meshuarat² yang amat penting, kerana Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan akan di-bahaskan. Ada pun perkara yang tersangat penting dalam Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan langkah hendak memasokkan ka-dalam Perlembagaan negara ini kuasa² bagi menahan sa-sa-orang dengan tujuan menchegeh ia-nya daripada melakukan perbuatan² yang mengorham keselamatan negara ini. Tentang perkara ini jangan-lah di-khuatirkan. Kerajaan Beta telah mengambil langkah ini hanya dengan mengikut contoh tauladan beberapa buah

negeri lain yang telah menyempurnakan kewajipan-nya bagi menjamin keamanan dan ketenteraman dalam negeri bagi ja'edah ra'ayat yang diwakili mereka. Tidak ada apa² yang boleh menyebabkan sa-sa-orang ra'ayat yang ta'at setia berasa bimbang dengan pindaan ini. Lain² perkara yang penting dalam Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan penyusunan sa-mula surohanjaya² perkhidmatan supaya lebeh sempurna menjalankan tugas²-nya; perkara mengadakan sa-buah Majlis Negara bagi menyatukan dasar dan undang² Kerajaan tempatan, perkara memindahkan kapada Kerajaan akan tanggung jawab kerja pendaftaran warga negara yang sekarang ini dijalankan oleh Surohanjaya Pilehan Raya, dan perkara mengubah satu syarat kelayakan bagi pengundi² kerana pilehan² raya Parlimen dan negeri. Berkenaan dengan syarat kelayakan pengundi² itu Beta suka hendak menyebutkan ia-itu Kerajaan Beta hendak mengadakan Undang² yang menentukan bahawa syarat kelayakan yang baharu itu akan terpakai juga bagi pilehan² raya Kerajaan tempatan dan urusan menjalankan segala pilehan raya yang tersebut itu tadi termasuk-lah pilehan² raya Majlis Meshuarat tempatan, lama kelamaan kelak di-serahkan kapada Surohanjaya Pilehan Raya. Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini mengandongi semua pindaan² yang mustahak yang hendak di-buat oleh Kerajaan Beta pada masa ini, akan tetapi Kerajaan Beta sakali² tiada akan menchuaike kewajipan-nya bagi mengulang kaji perjalanan Perlembagaan negara ini pada sa-tiap masa.

Perkara yang besar dalam dasar Kerajaan Beta bagi penggal Parlimen yang akan datang ini ia-lah dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar. Kemajuan yang banyak telah di-laksanakan dalam perkara menghasilkan tujuan ini ia-itu dengan tertuboh-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan terlansek-nya sa-buah Majlis Kebangsaan Pembangunan Luar Bandar yang mengandongi semua Menteri² yang berkenaan serta di-pengerusikan oleh Perdana Menteri. Dalam tiap² buah Negeri dan daerah telah di-tubuhkan sa-buah jawatan kuasa pembangunan luar bandar dan

sa-buah badan telah di-adakan bagi menyayakan *ranchangan*² Kerajaan Beta. Satu daripada hal² yang penting sa-kali ia-lah memberi tanah kepada orang² yang tiada memiliki tanah langsung atau kepada orang² yang mempunyai tanah yang tidak cukup mendatangkan hasil untuk kehidupan-nya. Bagi membantu kerja Lembaga Kemajuan Tanah itu maka Kerajaan Beta telah mengadakan Rang Undang² Penempatan Beramai². Rang Undang² ini akan di-bahatkan di-dalam mesuarat Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang akan datang. Apabila di-luluskan kelak maka undang² ini akan memudahkan kerja mem uka kawasan² penempatan beramai² dan kerja memberi tanah kepada mereka yang belum memiliki tanah. Kerajaan Beta telah berunding dengan Kerajaan² bagi Negeri² tentang chara² dan jalan² bagaimana hendak memperbaiki lagi alat pentadbiran tanah supaya dapat di-penuhi permohonan orang² yang makin bertambah² banyak berhajatkan tanah di-seluruh negeri ini. Beta suka menegaskan lagi di-sini bahawa ada-lah menjadi dasar tetap Kerajaan Beta, ia itu dengan kerjasama Kerajaan² negeri, hendak memberi tanah kepada ra'ayat negeri ini yang berkehendakkan tanah untuk nafkah kehidupan mereka. Tanah yang di-beri kepada mereka itu akan mempunyai kawasan seluas yang mencukupi bagi fa'edah ekonomi mereka supaya dengan yang demikian dapat-lah tiap² sa-orang ra'ayat negeri ini merasai kebahagiaan hidup menurut keadaan darjah kehidupan yang sesuai dengan taraf dan kedudukan mereka sa-bagai satu bangsa yang merdeka.

Dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar maka Kerajaan Beta akan memberi keutamaan kepada kerja² membuka jalan² raya di-kawasan² luar bandar sama ada di-kampung² yang telah lama terbuka demikian juga di-kawasan² tempat kediaman yang baharu di- uka. Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan akan menjalankan tugas yang penting dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar itu dengan *ranchangan*²-nya bagi melateh orang² kampong supaya membaiki darjah kehidupan mereka. Lembaga itu akan memumpulkan perhatian-nya yang utama dalam perkara

memberi galakan bagi membuka perusahaan² di-rumah serta perusahaan² kecil dan mengadakan wang kerana perusahaan dan perniagaan kampong. Kerajaan Beta bukan-lah sa-mata² hanya mengambil berat dalam perkara pertanian dan perusahaan² kampong. Orang² Melayu akan digalakkan supaya mengambil bahagian yang lebih besar dalam perusahaan lombong ia itu dengan chara menjalankan penyiasatan mencari bijih dalam kawasan² tanah simpanan untuk orang Melayu dengan perbelanjaan Kerajaan dengan tujuan hendak menggalakkan supaya ramai orang² Melayu membuat permohonan membuka lombong dan juga dengan chara memberi hadiah pelajaran kepada mereka untuk belajar bagi melayakkan diri mereka memegang jawatan² yang tinggi dalam perusahaan itu.

Selain daripada menegaskan perkara hendak mamohi hajat berkehendakkan tanah itu maka Kerajaan Beta akan menumpukan usaha-nya untuk meninggikan ekonomi negara. Kerajaan Beta akan chuba meninggikan darjah pertanian dengan jalan menggunakan chara² baharu. Usaha melaksanakan tujuan ini akan mula maju sa-tapak apabila Jabatan Pengajian 'Ilmu Pertanian di-buka kelak di-University Malaya di-Kuala Lumpur dengan bantuan Kerajaan New Zealand. Malangnya Yang Amat Berhormat Tuan Walter Nash, Perdana Menteri New Zealand yang telah di-jemput membuka Jabatan itu terpaksa menangkahkan lawatan-nya ka-sini oleh kerana kemangkatan Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Sungguh pun demikian maseh ada harapan yang beliau akan dapat datang menyempurnakan isti'adat itu pada satu hari kelak. Pada tahun ini satu banchi pertanian akan di-adakan. Apabila siap banchi ini Kerajaan Beta akan dapat mengumpulkan beberapa banyak kenyataan yang berguna bagi tujuan memperbaiki lagi kehidupan orang² kita yang tinggal di-kawasan² luar bandar. Usaha menanam pokok² padi yang lebih baik supaya bertambah banyak hasil-nya akan di-jalankan terus menerus dengan pertolongan Kerajaan Jepun. Dengan yang demikian itu

negara kita akan lebih cepat mengeluarkan beras yang mencukupi untuk keperluan sendiri dengan tiada payah bergantung kepada beras yang di-bawa dari negeri lain. Penanam² padi akan di-galakkan menggunakan baja dengan seluas²-nya dan penyiasatan sedang di-jalankan sekarang untuk mengetahui kira-nya baja itu dapat di-keluarkan di-negeri ini supaya senang penanam² itu mendapat-nya. Penyiasatan ada-lah juga sedang di-jalankan untuk mengetahui sama ada boleh di-buka atau tidak kilang kertas yang menggunakan jerami padi. Kerajaan Beta telah menjamin harga padi negeri ini hingga sekarang dan berusaha supaya penanam² padi membuka lebih banyak lagi kilang² padi dengan jalan kerjasama yang menjualkan padi mereka dengan sa-baik² harga. Kawasan² sawah padi yang ada parit dan tali-ayer telah bertambah dari dua ratus tujuh puluh ribu ekar pada tahun 1956 menjadi lima ratus dua puluh ribu ekar, dan kawasan tanam²an lain telah bertambah dari dua ratus lapan puluh dua ribu ekar menjadi tiga ratus lapan puluh ribu ekar. Parit² dan tali-ayer akan terus juga di-buat di-kawasan² yang belum ada parit dan tali-ayer. Nelayan² akan terus di-bantu dengan melebihi-kan penggunaan chara² menangkap ikan yang lebih baik, dengan membuka kilang² ayer batu dan menggalakkan berpindah ka-tempat² yang di-khaskan bagi mereka supaya mereka duduk terkumpul untuk kebaikan ekonomi mereka. Penduduk² negeri ini akan di-galakkan memelihara ikan darat untuk makanan sendiri dan menjadi mata pencharian demikian juga akan di-galakkan menternak binatang; negeri ini sudah pun dapat mengadakan sendiri lebih daripada 80 peratus daripada daging, ayam, itek dan telur yang menjadi makanan penduduk²-nya dan ini akan bertambah lagi. Berkenaan dengan hal ehwal hutan maka Kerajaan Beta akan menjalankan dasar yang akan membawa kepada kemajuan. Kerajaan Beta akan menumpukan usaha-nya untuk meluaskan penggunaan pasaran barang² kampong dengan chara sharikat bekerjasama dan akan terus menerus berikhtiar supaya orang² kampong tiada sentiasa berhutang kepada pemodal².

Dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, Kerajaan Beta sentiasa akan menyokong dan menggalakkan kemajuan hasil² utama negeri ini. Rancangan² menanam getah sa-mula yang telah berjaya itu akan terus di-jalankan dengan tujuan hendak membantu pekebun² kecil mengeluarkan getah dengan lebih banyak dan lebih baik lagi mutu-nya dengan tiada banyak memakai belanja, serta membuat jaminan supaya negeri ini kekal sa-bagai sa-buah negeri yang banyak sa-kali mengeluarkan getah dalam dunia ini. Kerajaan Beta akan memberi perhatian yang lebih berat lagi tentang mutu dan banyak getah yang di-keluarkan. Bagi keperluan² perusahaan bijeh yang pada masa ini hanya menghadapi sekatan kecil² sahaja dari Perjanjian Bijeh Antara Bangsa, dan menurut dasar 'am Persekutuan Tanah Melayu yang menyokong rancangan² Antara Bangsa bagi menegohkan harga hasil² utama negeri ini, maka wakil² Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan bersama² hadir dalam persidangan yang akan di-adakan di-New York pada tahun ini untuk menimbankan rangka suatu perjanjian baharu.

Ada pun dasar Kerajaan Beta dalam perkara hendak memaju dan membanyakkan perusahaan supaya negeri ini tiada bergantung kepada getah dan bijeh sa-mata² sekarang ini sedang mendatangkan hasil dan dasar ini akan di-jalankan dengan tegas dan tidak keluar dari garisan dasar Kerajaan hendak menggalakkan pemodal² tempatan dan luar negeri membuka perusahaan di-negeri ini. Sa-buah pusat memajukan penghasilan akan di-tubuhkan untuk mengelakkan lagi chara² membuka perusahaan dan Kerajaan Beta ada-lah juga sedang menimbankan bagaimana chara yang sa-baik²-nya dapat di-pergunakan pengetahuan sains dan hasil² penyelidikan sains bagi muslihat perusahaan. Sa-lain daripada itu Kerajaan Beta sentiasa akan memberi perhatian khas kepada perkara menambah bekalan letrik bagi kegunaan perusahaan, bagi kegunaan kawasan² luar bandar dan bagi orang² yang akan menggunakan kuasa letrik di-mana² jua pun. Lembaga Pusat Letrik telah menubuhkan sa-buah

jawatan-kuasa khas untuk menyusun suatu rancangan meluaskan bekalan elektrik supaya sampai ka-kawasan² luar bandar.

Dalam hal perdagangan, Kerajaan Beta yang telah sama menyertai Perjanjian 'Ami berkenaan dengan Chukai² dan Perdagangan, sentiasa akan mengikut lunas² perjanjian yang di-buat oleh berbagai² negeri tetapi akan mengokohkan-nya lagi dengan perjanjian² yang di-buat antara dua buah negeri kerana hendak memelihara barang² dagangan kita yang di-bawa keluar negeri yang mustahak bagi ekonomi negara kita. Satu perkara yang penting dalam dasar perdagangan kita ia-lah memberi perlindungan kepada perusahaan² yang sedang di-majukan di-negeri ini ia-itu dengan menchegeh perbuatan membawa barang² itu dari luar dengan berlebeh-lebihan dan mengenakan chukai yang tinggi ka-atas-nya. Usaha menggalakkan saudagar² negeri ini berniaga dengan negeri² lain akan di-jalankan dengan bersungguh² lagi. Demikian juga Kerajaan Beta akan memberi perhatian kepada usaha menggalakkan perusahaan pelanchong dengan bekerjasama dengan badan² yang di-usahakan oleh sa-saorang dan pertubuhan² antara bangsa.

Dasar berkaitan dengan alat² pengangkutan dan kenderaan di-perluaskan bagi menyokong rancangan² pembangunan luar bandar, rancangan² meluaskan ekonomi dan perusahaan supaya mengadakan kemudahan bagi penumpang, barang² dan pelabohan ia-itu suatu perkara yang mustahak dalam usaha memajukan negeri ini. Khas-nya Kerajaan Beta akan meneruskan usaha membesarkan Pelabohan Port Swettenham dan akan menyiapkan satu rancangan membena jalan raya yang lengkap bagi beberapa tahun yang akan datang.

Demikian juga rancangan membena jalan raya dan membuat jambatan akan di-persesuaikan dengan rancangan² kemajuan dengan mengutamakan kerja mengadakan jalan² raya di-tempat² yang belum ada jalan dan memperelokkan jalan² besar yang ada sekarang pada mana² tempat yang

mustahak supaya memudahkan perjalanan membawa barang² yang di-keluarkan daripada kawasan² luar bandar atau untuk mensaimbangkan dengan bertambah-nya kereta lalu lintas yang telah bertambah banyak di-sebabkan oleh kemajuan dan perkembangan perusahaan negara ini. Kerja akan di-mulakan untuk membena jalan Rompin-Endau kerana tujuan hendak membuka sa-buah kawasan yang di-jangkakan subur di-Pahang Timor, dan jalan raya sepanjang 26 batu dari Gunong Keriang di-Kedah ka-Sungai Baharu di-Perlis dengan tujuan supaya ada jalan melalui kawasan² sawah padi yang ramai penduduk-nya kerana jalan² yang ada sekarang ini tiada menchukupi. Pada tahun ini wang telah di-sediakan untuk mengodakan bekalan ayer, dan kewajipan membuat pelan serta menyatukan kerja terpulang-lah kepada Kerajaan Persekutuan, dan banyak lagi rancangan² perbekalan ayer ini yang sedang dalam timbangan.

Perkhidmatan² pos dan talikom negara ini boleh-lah di-katakan telah maju juga tetapi usaha mengelokkan lagi perkhidmatan² itu akan di-jalankan mengikut sa-banyak mana wang yang dapat di-gunakan. Undang² Talikom terpaksa-lah di-pinda oleh sebab chadangan hendak menukarkan pusat² talipon yang menggunakan tenaga manusia dengan pusat² talipon yang memakai alat jentera dan juga kerana chadangan hendak memudahkan peratoran berchakap melalui talipon antara dua tempat yang berjauhan.

Kerajaan Beta hendak menjalankan ikhtiar supaya perkhidmatan² musharakat tidak akan terchichir jauh daripada kemajuan besar sa-bagaimana yang di-ranchangkan bagi kemajuan ekonomi. Dalam hal pelajaran sa-buah Jawatan-Kuasa Mengkaji Sa-mula telah di-tubuhkan dan Jawatan-Kuasa ini akan memberi tahu Parlimen dalam penggal Parlimen yang akan datang ini berkenaan dengan perkara menjalankan dan mengelokkan dasar pelajaran yang telah di-luluskan dalam tahun 1956, ia-itu pada fikiran Kerajaan Beta ia-lah suatu dasar yang baik. Sa-buah jawatan-kuasa telah pun mula menimbangkan perkara hendak mengadakan

pelajaran Ugama Islam dalam sekolah² yang di-bantu Kerajaan.

Bantuan kepada sekolah² ugama yang di-usahakan oleh ra'ayat akan di-tambah. Sunggoh pun perkembangan pelajaran itu pada akhir-nya akan menguntungkan kawasan² luar bandar tetapi Kerajaan Beta memberi pandangan yang istimewa kepada langkah memperbaiki sekolah² luar bandar dengan jalan mengadakan guru² dan bangunan² yang lebih baik untuk mereka dan dengan cara mengumpulkan semula sekolah² yang berselerak itu. Kira² \$11,000,000 daripada wang ranchangan besar bagi kemajuan Pelajaran yang berjumlah \$20,000,000 bagi tahun 1960 itu akan di-tumpukan ka-kawasan² luar bandar. Sa-lain dari itu murid² yang terbaik daripada kampung² akan berpeluang mendapat pelajaran sekolah menengah dan belajar dalam Form enam di-sekolah² menengah yang ada tempat² kediaman atau dengan menumpang di-asrama² yang di-khaskan di-sekolah² menengah yang ada pada masa ini. Bilangan sekolah² pertukangan luar bandar bagi budak laki² yang sekarang di-namakan Sekolah Lanjutan Kampung itu, akan di-tambah lagi dan ada-lah menjadi dasar Kerajaan Beta hendak mengadakan juga sekolah² seperti itu bagi budak² perempuan. Ada-lah menjadi chita² Kerajaan Beta hendak mengadakan aliran kelas² yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar-nya dalam sekolah² rendah yang dahulu-nya di-jalankan oleh Kerajaan dan menambah bilangan kelas² menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan. Kursus latehan di-Maktab² dan di-Pusat Latehan Guru² bagi sekolah rendah telah di-pinda dalam tahun ini supaya kesemua guru² yang belum lagi mendapat latehan dan yang di-kehendaki mengajar kelak dalam bahasa Melayu akan di-beri latehan bahasa Melayu sebagai bahasa yang kedua. Hasil yang akan di-perolehi dari perubahan ini ia-lah mulai dari akhir tahun 1962 kesemua Maktab² dan Pusat² latehan itu akan mengeluarkan guru² yang kesemua-nya boleh mengajar menerusi bahasa Melayu dalam semua mata pelajaran sa-kurang²nya sa-hingga Darjah III. Mengikut Ranchangan Pelajaran Lanjutan yang di-buat oleh

Kementerian Pelajaran lebih daripada dua puloh tiga ribu orang murid sedang belajar bahasa kebangsaan dan sa-buah jawatan-kuasa sedang menimbangkan perkara hendak meluaskan pelajaran dewasa dalam bahasa ini; pada masa ini pelajaran dewasa adalah di-bawah tanggong-jawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kursus permulaan khas bagi budak laki² daripada kawasan² kampung akan di-mulakan di-Maktab Teknik supaya mereka mempunyai kelayakan mempelajari kursus diploma di-Maktab itu. Sa-lain dari itu kursus pelajaran kejuruteraan yang penoh akan di-adakan di-Maktab itu. Kerajaan Beta akan mengkaji perkara hendak memberi pelajaran rendah dengan perchuma dan berchadang hendak mengambil langkah supaya murid² yang berhenti sekolah hendak-lah sa-kurang²nya berumur lima belas tahun.

Di-sini Beta hendak menyebut sedikit tentang sangkaan² yang telah timbul di-sebabkan oleh penyata Juru Odit Negara bagi tahun 1958 mengatakan wang yang di-untukkan bagi pelajaran dalam tahun itu telah dibelanjakan dengan tiada tentu. Sa-benar-nya bukan-lah demikian yang di-katakan oleh Juru Odit Negara itu, dan sangkaan² itu tiada-lah betul. Dalam meshuarat Dewan Ra'ayat yang akan datang ini Kerajaan Beta akan membentangkan satu kertas meshuarat yang Beta harap ahli² kedua² buah Dewan Parlimen akan mengkaji-nya supaya mereka dapat membetulkan salah faham yang harus ada di-sisi orang ramai oleh mendengar tuduhan² yang tiada bertanggong-jawab itu.

Kerajaan Beta sentiasa akan menjalankan usaha-nya menjaga kesihatan dan kebajikan ra'ayat di-seluruh negara ini, dengan memberi perhatian yang utama kepada kesihatan di-kawasan luar bandar, mengadakan khidmat² bagi menjaga kesihatan ibu² yang bersalin, perkhidmatan kebajikan kanak² dan perkhidmatan gigi di-kawasan luar bandar yang belum ada khidmat² itu. Ranchangan² khas di-luar bandar bagi menghapuskan penyakit kepalu serta penyakit untut dan puru akan di-jalankan seperti sekarang ini juga. Usaha melengkapkan rumah² sakit dengan

alat² perkakas baharu akan di-jalankan dengan memberi keutamaan kepada rumah sakit Kuala Lumpur dahulu. Dalam perkara meluaskan perkhidmatan² kebajikan, Kerajaan Beta akan memberi perhatian khas kepada kawasan² luar bandar itu. Demikian juga Kerajaan Beta tidak akan melupakan kawasan² luar bandar pada masa menjalankan dasar-nya hendak mengodakan rumah² murah.

Supaya ranchangan² Kemajuan-nya dapat di-jalankan dengan tiada tergendala, maka Kerajaan Beta akan terus mengembangkan perasaan menuju kepada perpaduan bangsa dan mencari jalan untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan perasaan berbaik² sangka di-antara satu sama lain di-seluruh negeri ini. Dalam usaha hendak menyatukan sakalian ra'ayat Negara ini maka Kerajaan Beta akan sungguh² menggunakan Jabatan Penerangan dan Jabatan Siaran Radio, dan tiada lama lagi kelak perkhidmatan² ini harus akan di-bantu oleh perkhidmatan "television" pula.

Ada pun dasar Kerajaan Beta berkenaan dengan perhubungan² perusahaan tiada akan berubah; Kerajaan Beta sentiasa menggalakkan dan membantu pekerja² dan majikan² bagi mengadakan pertubuhan² mereka sendiri dan menyelesaikan apa² pertelingkahan dengan jalan berunding dan berbaik². Sa-bagaimana tuan² sedia ma'alum bahawa dengan ada-nya ranchangan² kemajuan Kerajaan Beta itu maka bertambah banyak-lah kelak orang² yang akan mendapat pekerjaan. Perkhidmatan menolong orang ramai mencari kerja akan di-besarkan lagi supaya orang² yang mencari kerja lebih mudah mendapat peluang mengisi kerja² yang kosong.

Ranchangan Perlatehan Kebangsaan yang di-susun oleh Lembaga Pusat Perlatehan akan di-tumpukan di-dua buah pusat latehan di-Pulau Pinang dan Ipoh dan ranchangan² yang di-jalankan oleh Lembaga itu akan mengeluarkan bertambah² banyak lagi bilangan pekerja² yang chekap yang di-kehendaki oleh kilang² dan perusahaan² yang baharu di-buka. Pakar² daripada Pertubuhan Buroh Antara Bangsa telah menjalankan penyiasatan

sama ada boleh di-adakan jaminan keselamatan musafir² di-negeri ini untuk fa'edah pekerja² yang menganggor dan sakit, penyata daripada Pertubuhan itu belum-lah lagi di-terima.

Undang² akan di-jalankan kuatkuasa-nya dengan 'adil lagi saksama dan chara² mentadbirkan ke'adilan akan di-jalankan dengan sempurna sa-bagaimana sekarang ini juga. Pada masa ini Undang² dalam negeri ini ada-lah sedang di-semak sa-mula dan jilid yang pertama mengandungi Undang² yang telah di-pinda dan ditambah itu akan siap pada akhir tahun ini. Ada-lah juga di-harap hendak memulakan kerja menterjemah Undang² yang di-luluskan Parlimen kadalam Bahasa Kebangsaan. Dalam perkara yang terutama sa-kali ia-itu berkenaan dengan mengekalkan keamanan dan ketenteraman, manakala kad² pengenalan yang baharu yang akan di-keluarkan lepas bulan June tahun ini akan mengambil satu bahagian yang mustahak, maka Kerajaan Beta sentiasa akan memerhatikan perchubaa² anasir² jahat yang hendak merosakkan keamanan dan kema'amoran negara kita ini. Bahaya ini ada-lah burok akibat-nya, dan Kerajaan Beta tiada akan mengehl²kan-nya. Maka itu-lah sebab-nya di-buat pindaan² kepada Bahagian XI dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang tuan² akan membahathkan-nya dalam meshuarat² yang akan datang ini.

Kerajaan Beta akan terus juga menggunakan pengaruh-nya bagi mustihat keamanan, perasaan muhibah dan ketenteraman di-dalam dunia ini 'am-nya dan di-Tenggara Asia khas-nya. Kerajaan Beta sangat² menghargai tali persahabatan di-antara negeri² dalam lengkongan Commonwealth dan persahabatan ini telah bertambah kokoh baharu² ini dengan lawatan Perdana Menteri Beta ka-Australia dan New Zealand demikian juga dengan lawatan Perdana Menteri Australia ka-negara kita ini. Dalam bulan May tahun ini Perdana Menteri Beta akan mengha-dhiri Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth di-London bagi kali yang pertama-nya dan dengan yang demikian neschaya-lah akan bertambah

erat lagi perhubungan di-antara Negeri² di-dalam lengkungan Commonwealth. Sunggoh pun begitu ikatan gabungan Commonwealth itu tidak-lah sa-kali² dapat mengabui mata kita dalam perkara membedakan warna kulit yang di-amalkan oleh Kerajaan Afrikan Selatan, ia-itu suatu dasar yang bertentangan dengan perasaan kemanusiaan sejati. Dan Perdana Menteri Beta akan membawa satu cadangan supaya keadaan mendukacitakan yang berlaku dalam negeri itu di-binchangkan dalam persidangan Perdana² Menteri itu pada bulan hadapan.

Kerajaan Beta akan terus menjalankan usaha bagi merangkakan rancangan kerjasama di-antara negeri² dalam Tenggara Asia yang telah di-reka oleh Perdana Menteri Beta dan President Garcia. Rancangan ini tak dapat tiada akan mengambil masa yang panjang bagi melaksanakan-nya. Dalam pada itu Kerajaan Beta akan merapatkan lagi perhubungan persahabatan di-Tenggara Asia bila² ada peluang. Lawatan President Ngoh Din Diem ka-negeri kita baharu² ini telah mengokohkan lagi tali persahabatan kita dengan Vietnam. Untuk menjalankan dasar persahabatan ini maka Kerajaan Beta berchadang hendak membuka beberapa buah lagi pejabat² kedutaan-nya di-luar negeri, khas-nya di-Negeri² yang telah ada menubuhkan pejabat² kedutaan-nya di-negeri kita ini, mengikut banyak-nya wang dan tenaga pegawai yang dapat di-gunakan. Dalam segala perhubungan-nya dengan negeri² lain dan terutama sa-kali melalui Pertubohan Bangsa² Bersatu, Kerajaan Beta akan menggunakan pengaruh-nya untuk menyokong perluchutan senjata dan menentang apa² jua chara penja-jahan di-mana² tempat dalam dunia ini. Dengan sebab itu-lah Kerajaan Beta telah mulai² sa-kali mengambil tindakan mengemukakan masa'alah Tibet supaya di-binchangkan dalam persidangan Pertuboha Bangsa² Bersatu. Kerajaan Beta berasa puas hati bahawa pendirian-nya dalam perkara tersebut telah mendapat sokongan dari kebanyakan penduduk² negara ini. Hal ini ada-lah ternyata apabila perwakilan yang bukan dari pihak Kerajaan

negeri ini telah menghadhiri Persidangan Seluruh India atas perkara Tibet pada awal bulan ini untuk mendzahirkan perasaan mereka berkenaan dengan hal yang telah berlaku di-Tibet itu.

Kedudukan kewangan bagi masa hadapan menunjukkan harapan yang baik dan dengan yang demikian besarlah harapan kita akan mendapat kejayaan dalam Ra cha ga Lima Tahun yang Kedua yang sedang di-susun itu. Ada-lah maksud Kerajaan Beta hendak menggunakan penghasilan yang berlebihan pada masa ini terutama-nya untuk kemajuan dan perkhidmatan² musharakat, khas-nya untuk pelajaran dan kesihatan; tetapi hal ini tiada-lah boleh di-jadikan sebab yang mematutkan untuk menambah semua perbelanjaan Kerajaan. Tujuan yang terbesar Kerajaan Beta ia-lah hendak mengekalkan kekekapan dalam perkhidmatan dan berchermat perbelanjaan kerana-nya. Perkara yang akan di-utamakan lagi ia-lah melateh pegawai² Kerajaan khas-nya pegawai² pentadbiran yang pada masa ini lebih daripada tiga suku ia-lah pegawai² anak negeri ini. Usaha menchegeh rashwah akan di-jalankan dengan bersunggoh² lagi supaya dapat menanam perasaan jujur dalam hati pegawai² Kerajaan dan orang ramai.

Dengan kejayaan²-nya dalam usaha menghapuskan dzarurat itu maka dapat-lah Kerajaan Beta menjalankan dasar² kemajuan. Oleh sebab usaha menentang Dzarurat itu sangat berhasil maka Kerajaan Beta berharap akan dapat mengishuiharkan Dzarurat ini tamat pada 31 haribulan July dan pada masa itu juga memansokhkan Undang² Dzarurat.

Apabila kita meninjau kapada keadaan yang terdapat dalam masa dua belas tahun yang lalu maka teringat-lah kita sa-mula akan masa² kesusahan dahulu, masa itu kebanyakan kita memikirkan sedikit benar harapan untuk menchapai kemenangan. Mereka yang melawat Tanah Melayu sekarang ini tiada dapat mengagak keadaan² yang terdapat lima hingga sa-puluh tahun dahulu. Pada masa itu mereka tiada berani berjalan keluar bandar

dengan tiada berkawal, tetapi bagi penduduk² negeri ini masa perbunohan dan serang hendap itu tiada akan dapat di-lupakan mereka. Kemenangan kita itu bukan-nya di-dapati dengan mudah, bahkan telah banyak jiwa dan wang terkorban. Hampir² dua belas tahun lama-nya kita telah menggunakan tenaga kita, jasmani dan rohani, dan segala sekatan² yang telah dikenakan ka-atas diri dan kehidupan kita telah menjadi kebiasaan kepada kita. Tetapi masa kesusahan itu akan tamat tiada berapa lama lagi dan sakalian ra'ayat negara ini sangat-lah berhutang budi kepada Pasokan² Keselamatan Tanah Melayu dan Commonwealth kerana keberanian mereka dalam masa itu. Beberapa kepujian telah di-sampaikan kepada mereka dan banyak di-antara mereka yang telah di-kurniakan bintang² kehormatan. Sa-sungguh-nya ini ada-lah dengan sendiri-nya menjadi suatu riwayat ke-handalan dan ta'at setia pada menjalankan kewajipan dalam perjuangan yang lama lagi sukar.

Kerajaan Perikatan yakin bahawa negara ini tiada akan mencapai sa-benar² keamanan melainkan keganasan Kominis di-hapuskan semua sa-kali. Oleh itu dasar Kerajaan Beta yang utama semenjak Merdeka ia-lah hendak menjadikan negeri ini aman dan membinasakan sama sa-kali Party Kominis Malaya yang telah lama merosakkan keamanan dan kema'amoran tanah ayer kita. Negara kita sahaja-lah yang boleh di-katakan telah menentang dan mengalahkan penganas² kominis. Dengan usaha yang tidak berhenti² dan ke'azaman yang kuat negara kita telah mencapai kemenangan yang besar ini, ia-itu suatu kemenangan yang tidak ada tolok banding-nya dalam sejarah zaman ini. Di-atas kesusahan, dan penderitaan ini kita bangun bersatu, tegoh dan tidak berbelah bahagi. Beta perchaya kejayaan Kerajaan yang besar ini akan di-sambut dengan baik-nya oleh sakalian ra'ayat negara ini dan juga oleh sahabat² kita di-luar negeri. Kejayaan ini akan menjadi suatu riwayat yang gilang gemilang dalam sejarah negara kita.

Pada fikiran Beta patut-lah kita menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada sakalian ra'ayat negeri ini. Pada masa beberapa banyak orang masok menjadi ahli² Pasokan Keselamatan dan yang lain²-nya bersatu menjaga kampong² mereka, kebanyakan-nya pula telah menjalankan pekerjaan mereka masing² saperti biasa walau pun mereka dalam keadaan ketakutan dan menanggong berbagai² kesusahan. Mereka telah menjalankan kewajipan mereka di-pejabat², di-ladang², di-lombong² dan di-sawah² padi dengan berani kerana mereka sedar betapa burok-nya akibat yang akan terjadi jika orang² Kominis itu bermaharajalela. Sambil kita berjaga² memerhatikan 'anasir² jahat yang tiada alpa hendak menjatuhkan Kerajaan dengan sulit dan meresap itu mari-lah kita bersama² memohonkan taufik dan hidayat daripada Allah supaya kemenangan yang telah kita chapai itu tiada sia-sia sahaja melainkan memberi peransang kepada kita untuk memulakan usaha membena Persekutuan Tanah Melayu yang lebeh aman dan lebeh ma'amor.

[The English translation is as follows—

Mr. President, Mr. Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

Before I address you to-day I should like you to join with me in an expression of the great respect which we all feel for the memory of His late Majesty Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad and our deep sympathy for Her Majesty Tunku Kurshiah, His Consort. In the all too short a time since His election as the first Yang di-Pertuan Agong, His late Majesty, by His many qualities, endowed His high office with dignity and respect and the loyal devotion of our people and set a noble example of which His successors will ever be mindful. To Her Majesty Tunku Kurshiah, who was constantly at His side, sharing His burdens and contributing to His success, we express our deep sorrow at Her loss. Even while it grieves, their country is proud of them both.

I ask you now to rise with me and stand for two minutes in silence as a mark of respect and sympathy.

* * *

Mr. President, Mr. Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

Addressing you for the first time as Yang di-Pertuan Agong, I pledge myself, with the Raja Permaisuri Agong to serve the people of the Federation and to uphold the principles of democracy and constitutional rule. I pray that during my term of office this Parliament of which you and I form part will guide our country along paths of peace and prosperity.

The ensuing meetings of both Houses will be important ones, for the Constitution (Amendment) Bill will be under debate. The most important single feature of this Bill is the provision for powers of preventive detention to be included in the permanent law in the interests of national security. This need cause no fear. In taking this step my Government is but following the example of many other countries whose Governments have shouldered squarely their responsibilities for securing internal peace and order in the interests of the peoples whom they represent. No loyal law-abiding citizen has cause to feel alarmed at this amendment. Other important features of the Bill are the reorganisation of the structure of the Service Commissions for greater efficiency, provision for a National Council to co-ordinate local government policy and legislation, the transfer of the responsibility for the registration of citizens from the Election Commission to the Government and a change in the qualification for electors for Parliamentary and State elections. In this last connection I may mention that my Government is introducing legislation under which the new qualification will apply also to local government elections and the conduct of all those elections including, in due course, those for local councils, will be entrusted to the Election Commission. The Constitution (Amendment) Bill contains all the pressing amendments which my Government wishes to make at this time but my Government

will, as in duty bound, continue to keep the working of the Constitution under constant review.

The key-note of my Government's policy for the coming session will be the development of the rural areas. Considerable progress has been made in the establishment of the machinery for this purpose with the creation of the Ministry of Rural Development and the appointment of a National Rural Development Council of all the Ministers most concerned under the chairmanship of the Prime Minister. In each state and district a rural development committee has been appointed and an organisation is set up for implementing my Government's plans. One of the most important aspects is the alienation of land to those who are landless or own uneconomic areas. To supplement the valuable work of the Land Development Authority my Government has introduced the Group Settlements Bill which will be debated at the forthcoming meetings of both Houses. This Bill when enacted will have the effect of facilitating the establishment of Group Settlement areas and of alienating land to the landless. My Government has had consultations with Governments of the States on ways and means of improving the machinery of Land Administration in order to satisfy the greatly increased demand for land throughout the country. I would like to reiterate here that it is the declared policy of my Government, with the co-operation of State Governments, to give land to those of our citizens who are in need of land to earn their living. The land so alienated will be of economic size so that each of our citizens will be able to have and maintain a standard of living compatible with the dignity of an independent nation.

In the development of rural areas my Government will give priority to the construction of rural roads both to established villages as well as to newly developed settlement areas. The Rural and Industrial Development Authority will play an important role in the development of rural areas by its programmes of training the rural people to improve their standard of living. The Authority will lay particular

emphasis on encouraging the establishment of cottage and small industries and the financing of rural trade and industry. My Government is not here concerned only with agriculture and strictly rural industries. Malays will be encouraged to take a greater part in the mining industry by the prospecting of Malay reservations at Government expense with a view to encouraging Malay applications and by training awards to fit them to take executive posts in the industry.

In addition to its emphasis on satisfying land hunger, my Government will aim at a general broadening of the national economy. In the field of agriculture it will attempt to raise standards by the application of new techniques and methods. A step forward in this direction will be the opening of the Agricultural Department of the University of Malaya in Kuala Lumpur with the generous help of the New Zealand Government. Unfortunately the visit of the Rt. Hon. Walter Nash, Prime Minister of New Zealand, who was invited to open the faculty, has had to be postponed because of the death of His late Majesty, but there is some hope that he may yet be able to perform the ceremony at a future date. This year will see the holding of an agricultural census which will provide my Government with much information that will be of value in improving the lot of our rural people. Work will continue with the help of the Japanese Government on the improvement of the yield and quality of padi, bringing the country nearer to self-sufficiency in its staple food. The extensive use of fertilisers will be encouraged and the possibilities of local production are being investigated to bring them within the reach of all farmers. The possibilities of a paper mill which will consume padi straw are also being examined. My Government has continued to support the padi price and aims to popularise still further the co-operative rice mills which secure for the cultivator the best return for his produce. Irrigation areas under padi have increased to 520,000 acres from 270,000 in 1956, and areas under other cultivation to 380,000 from 282,000. Irrigation will be steadily extended. Fishermen will continue to

be assisted by the increasing use of improved methods, by the building of ice plants and by encouraging re-grouping in communities of economic size. Emphasis will be laid on fresh water fish as a source of food and livelihood and on the keeping of livestock; the country already produces over 80 per cent of its meat, poultry and eggs, and this percentage will be increased. My Government will pursue a progressive forest policy. It will devote itself to the spread of rural co-operative marketing and will continue its successful struggle against rural indebtedness.

In the field of commerce and industry my Government will continue to support and foster the primary products. The successful rubber replanting schemes for smallholders will proceed with the object of assisting the production of more and better rubber at lower cost and ensuring that the country's position as the world's largest producer of natural rubber will be maintained. Increasing attention will be paid to the quality as well as the quantity of the product. In the interests of the tin industry, which is now suffering only from negligible restrictions under the International Tin Agreement, and in accordance with its general policy of supporting sound international schemes for stabilising the prices of primary products, the Federation will participate in the conference to be held in New York this year to consider the draft of a new agreement.

My Government's policy of industrial development and diversification to reduce the country's dependence on rubber and tin is bearing fruit and will be pursued progressively within the framework of the Government's policy of inducements to local and foreign capital alike. A productivity centre is to be set up to improve industrial organisation and my Government is also considering how best to make available to industry scientific knowledge and the results of scientific research. The expansion of electricity supplies for industry, for the rural areas and for potential consumers everywhere will continue to occupy the special attention of my Government and the Central Electricity Board has established a

special committee to formulate a programme of rural extension.

- (ii) the special emphasis which the Government will be putting on rural development.

Mr. President, Sir, the end of the Emergency after twelve years of bitter struggle will mark the outstanding victory of our Government over militant communism. It is also the victory of the forces of right over the

forces of evil. To all those who have helped to bring about this victory, I say that the people of Malaya are very grateful. We are as thankful to the Commonwealth Servicemen as we are to our own security forces for having saved us from the hell that this country would undoubtedly have been, had it been overrun by the Communists. I sincerely hope, Sir, that, when we next celebrate the anniversary of our independence, the Government will award meritorious national service decorations to those whose contributions to our victory over communism have been outstanding.

When the Emergency comes to an end the irksome restrictions imposed by the Emergency Regulations will also end. To those living in, what used to be called, New Villages, who accepted these restrictions cheerfully, we are grateful, for their co-operation has also contributed materially to our victory. In the era of development and prosperity that will follow the end of the Emergency, may they be remembered.

It is heartening to note from the Royal Address that the Government will address itself to the task of rural development with as much vigour as it tackled the Emergency. If the prosecution of the war against the Communists is any criterion then it is safe to say that the Government will go all out to take the amenities of modern living to the rural areas. From what I know, rural development will be a top priority operation stemming from Cabinet level right down to the remote kampong. It will bring about transformation which only a progressive Government such as we have to-day can hope to achieve. During the past twelve years, due to military operations and to the lack of funds, the rural areas were unavoidably neglected. With the end of the Emergency it is only proper that these rural areas should come in for their just share of the benefits of stable democratic development. In the gigantic rural development scheme proposed, Sir, our Government may find it possible to use the services of those who will be out of employment at the end of the Emergency.

His Majesty, Sir, also referred in his address to the amendments to our Constitution. These amendments will be debated in this House at our next sitting. In the meantime I merely wish to express the hope that when the present anti-Communist Emergency Regulations are scrapped, it will be clearly written somewhere—whether it be in the Constitution or in any piece of legislation—that our country has not and will not have any place for Communist ideologies and that anyone attempting to spread them will be regarded as un-Malayan and handled fittingly. We should also make it clear that we will not allow any alien politics to be introduced into this country. Only by doing this can we safeguard our own future. The Royal Address gives a welcome hint of what is in store for the people of this country. In conditions of peace and prosperity there seems every hope that Government will achieve the objectives set out in the Royal Address. We can confidently look forward to an era of development, progress and happiness. *(Applause)*.

Enche' Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, sa-telah kita membaca dan mengkaji ucapan titah yang telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari pembukaan Parlimen yang baharu lalu, saya berpendapat bahawa titah Baginda itu sangat berharga yang mana dapat kita banggakan. Oleh kerana kandungan ucapan itu ada-lah satu kandungan yang di-keluarkan dengan sechara bertanggungjawab atau dengan lain perkataan titah ucapan yang boleh di-laksanakan. Dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah menyebutkan dalam perkara hendak menjalankan Kemajuan Luar Bandar, terutama sekali dalam soal mementingkan pembahagian tanah kepada ra'ayat jelata. Perkara ini ia-lah yang menjadi soalan yang penting sekali dan dengan sebab itu-lah satu Rang Undang² penempatan beramai² dan chara bekerja pembahagian tanah itu telah di-adakan dan di-samping itu telah pun di-luluskan dalam Majlis Meshuarat Dewan

Ra'ayat yang baharu lalu. Dengan adanya undang² ini, saya percaya Kerajaan akan dapat menjalankan urusan pembahagian tanah itu dan akan dapatlah ra'ayat negeri ini yang sangat dehaqakan tanah² itu dengan merasai peluang berusaha bagi mencari kehidupan untuk hidup mereka; tetapi walau bagaimana pun kelichinan kerja² pembahagian tanah dan kelichinan kerja² bagi pembangunan luar bandar ada-lah bergantung kepada tugas pegawai² Kerajaan yang berkaitan dengan-nya. Saya berharap dengan harapan yang besar semuga pegawai² yang berkenaan agar menjalankan kewajipan-nya dengan bersungguh² dan benar² memberikan perkhidmatan-nya yang lebeh daripada biasa ya'ani daripada kerja² yang mereka itu perbuat pada tiap² hari. Dengan jalan demikian-lah, barangkali chita² kita bagi hendak memajukan Kemajuan Luar Bandar akan dapat terchapai mengikut masa yang tertentu ini.

Dalam Uchapan di-Raja ini juga kita dapati Baginda telah menyebutkan berkenaan dengan masa'alah hendak menggalakkan orang² Melayu bagi mengambil bahagian dalam perusahaan melombong, dan Kerajaan juga akan menolong bagi memberi perbelanjaan untuk menjalankan penyiasatan mencari bijeh dalam kawasan² Tanah Simpanan Melayu. Saya rasa ucapan ini tentu-lah mendatangkan rasa besar hati bagi pehak ra'ayat terutama kepada orang² Melayu sendiri akan mendatangkan perasaan yang gumbira dan puas hati, oleh sebab kita tahu bahawa bagi orang² Melayu sangat-lah kurang dalam mengambil bahagian perusahaan melombong ini yang mana telah kechichiran dalam lapangan tersebut. Maka jika ada rancangan Kerajaan hendak menggalakkan serta memberi pertolongan kepada orang² Melayu dalam hal ini tentu-lah perasaan gumbira ini akan bertambah² lebeh lagi.

Saya berharap bahawa pehak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan dapat meminta Kerajaan² Negeri agar memberi kerjasama-nya yang penoh supaya dasar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini dapat di-jalankan dengan sempurna-nya, kerana kita tahu ada-lah memberi licence² lombong itu ada-lah daripada Kerajaan² Negeri,

manakala Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan dapat meminta kerjasama dari Kerajaan² Negeri supaya berhasil titah yang telah di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Dalam ucapan Baginda itu juga telah menyebutkan berkenaan dengan masa'alah sangkaan² yang telah di-timbulkan dengan sebab Penyata Juru Odit Negara tahun 1958 berkait dengan Kementerian Pelajaran yang telah dikatakan bahawa di-belanjakan dengan tidak tentu.

Di-Dewan Ra'ayat baharu² ini pehak pembangkang telah pun mendatangkan kechaman² yang hebat bahkan mendatangkan tuduhan² yang burok. Pehak Kerajaan telah pun mengambil langkah mengeluarkan Kertas Puteh untuk menerangkan kesamaran² yang berlaku berkaitan dengan hal masa'alah ini walau pun kita tahu dalam Dewan Ra'ayat telah pun memutuskan bahawa menerima Kertas Puteh itu, tetapi sepanjang yang kita ketahui bahawa perchakapan yang di-terbitkan oleh pehak pembangkang itu yang mana mereka maseh tegas dengan perasaan yang tidak puas hati di-samping itu terus menudoh kepada pehak Kerajaan di-atas kesangsihan terhadap kekurangan wang sa-banyak \$110 juta itu.

Dalam soal ini bukan sahaja terhad di-Dewan Ra'ayat bahkan saya sendiri tahu bahawa parti² pembangkang itu telah pun chuba mengadakan perjumpaan² ramai di-mana ada satengah² di-antara parti² pembangkang itu telah memberi tahu kepada orang ramai dalam perjumpaan itu bahawa Kerajaan telah melelapkan \$110 juta wang ra'ayat. Nampak-nya dukachita sedikit bahawa ada di-antara parti² pembangkang yang telah mengamalkan chara politik atau siasah-nya dengan tidak jujur atau dengan lain perkataan bermain politik yang kotor sahingga tergamak menerangkan kepada orang ramai yang Kerajaan telah melelapkan wang sa-banyak \$110 juta, pada hal mereka tahu yang kedudukan itu tidak betul. Saya rasa berdukachita bahawa orang ramai tidak dapat peluang untuk membacha Kertas Puteh itu; jika sakira-nya pehak pembangkang mengamalkan politik-nya di-negeri ini dengan chara politik yang kotor

neschaya rosak-lah demokrasi kita di-masa yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Baginda itu juga telah menzahirkan satu perkara yang sangat² mengembirakan ra'ayat seluroh-nya ia itu Baginda akan mengistiharkan dharurat akan tamat pada 31 July, yang akan datang ini. Miski pun masanya hampir 3 bulan lagi lama-nya, tetapi perasaan yang gembira dan sukachita di-muka ra'ayat hari ini telah nampak terbayang dengan jelas-nya. Tuan Yang di-Pertua, sama ada betul atau tidak pendapat saya ini tidak-lah pula saya tahu, tetapi saya rasa sungguh pun 31 July akan datang ini Undang² Dharurat ini akan di-istiharkan bagi di-batalkan, tetapi agak saya kawasan² sempadan yang berhampiran dengan negeri Siam, pada perasaan saya tentu-lah agak-nya undang² ini maseh terus di-jalankan.

Jadi, jikalau-lah benar sangkaan saya ini, saya minta-lah Kerajaan chuba berchermat dan dengan bersungguh² bagi menentukan kawasan² yang di-katakan kawasan sempadan dengan negeri Siam itu. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu ramai juga penduduk² yang sa-bilangan besar ada bertempat dan berkampong berhampiran dengan kawasan sempadan yang dekat dengan negeri Siam itu. Jadi, kalau sa-kira-nya kawasan yang ramai penduduk-nya maseh termasuk dalam garisan yang di-katakan kawasan sempadan itu dan Undang² Dharurat tidak di-tarek di-kawasan itu, maka neschaya-lah orang yang sa-bahagian besar daripada ra'ayat yang hidup dalam kawasan itu tidak dapat menikmati sa-bagaimana yang di-nikmati oleh penduduk atau pun ra'ayat yang lain sa-telah di-tarek Undang² Dharurat sa-lepas 31 July yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak berchakap panjang dan saya menyokong penoh di-atas Titah ucapan yang telah di-lapadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan saya menyokong penoh di-atas usul yang di-kemukakan oleh Menteri Ke'adilan tadi.

Enche' S. O. K. Ubaidulla: Mr. President, Sir, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong in his Gracious Speech

made many constructive and useful references for the advancement and good of the country. Among them all the very matter that attracted me most was paragraphs 3 and 4 under Education that dealt with religious instructions. It is a most encouraging move in the field of education.

Sir, I consider imparting religious knowledge is the most urgent national need. A good many of our youths to-day come out of schools with no notion of their religion. Sensitive and informed people believe that the fundamental need of our youth, far deeper than social or economic readjustment, is a spiritual re-awakening—a recovery of faith. It is not enough if our youths grow in knowledge and in intelligence but not in wisdom and virtue.

Sir, religion alone has the discipline to foster wisdom and virtue. I am afraid, Sir, I must say that in some of our youths the drift from religion and religious belief has gone much too far and the margin of safety has become dangerously small. If our youths are not saved from an agnostic outlook and an indifference to religion they may become easy prey to Communism. It is often said that Communism thrives in poverty. This is not the only field. I know of a country which has the lowest *per capita* income in the world and the highest social ills and in there some paid international Communist camp followers wax eloquent every day; yet the people, though half-fed, half-clothed, and with no roof above them, have stoutly refused to believe in Communism and turned a deaf ear to all the catchy stock slogans of Communist comrades. The amazing reason is that the people there are deeply religious in one religion or another. So, Sir, poverty is not the only field in which Communism breeds. It also breeds in a society where there is no root in any religion.

Sir, may I most warmly welcome this move of our Government to impart religious instructions to our youths. Let us fight the advent of subversive Communism with religion; it is more effective and lasting.

Enche' Mohd. Zahir: Dato' Yang di-Pertua, saudara saya Enche' T. H. Tan

telah menyebutkan benda yang pertama dan yang besar sekali di-dalam ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ia-lah bersangkut-paut dengan kemajuan yang akan di-buat di-luar kampung dan yang kedua-nya bersangkut-paut dengan penghabisan masa dharurat. Saya rasa sebab-nya yang pertama atau pun perkara yang pertama yang sangat² penting di-dalam ucapan ini, ia-lah berkenaan dengan kedudukan wang bagi masa hadapan ada-lah menunjukkan harapan yang baik dan dengan yang demikian besar-lah harapan kita akan mendapat kejayaan di-dalam ranchangan 5 tahun yang kedua yang sedang di-susun itu. Saya rasa itu-lah benda yang sangat² penting sekali di-dalam ucapan Baginda itu, ia-itu harapan yang baik bagi kita dalam soal kewangan untuk menjalankan kerja dalam ranchangan 5 tahun yang akan datang ini. Dan saya berasa sangat sukachita di-atas ucapan di-Raja ini dan saya mengucapkan satinggi² tahniah kepada pehak yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu perkara² di-dalam titah di-Raja ini, ia-itu perkara yang dalam muka 3, yang menyebutkan tanah yang di-berikan kepada mereka itu akan mempunyai kawasan yang luas, chukup bagi fa'edah² perikonomian. Ia-itu Kerajaan berura² hendak memberikan tanah yang chukup kepada ra'ayat bagi ikononi ra'ayat itu. Tetapi saya minta-lah kepada Kerajaan supaya menimbangkan bersama² kedudukan tanah² yang ada sekarang ini yang telah pun di-berikan kepada ra'ayat, mengikut Undang², yang boleh di-pechah²kan sa-hingga tiada ikononi lagi. Saya umpamakan, ia-itu sekeping tanah bendang kata-lah, yang hanya 3 gelong atau pun 3 ekar, maka terpaksa di-bagikan kepada warith² yang banyak sa-hingga 10 atau 12 orang; ya'ani kalau sakira-nya pembahagian itu di-teruskan kepada kaseg²ua warith² itu, maka tentu-lah tiap² sa-orang warith itu tiada dapat tanah yang menchukupi untuk makan dan sara nafkah-nya. Oleh yang demikian, saya berharap-lah pehak Kerajaan menchari jalan supaya tanah² yang kechil² itu tidak di-bahagi² lagi.

Dan lagi pula saya mendengar, ada orang² yang menyatakan, pembahagian harta yang sa-umpama itu hanya di-atas kertas sahaja. Tetapi pada pengelaman yang saya dapati, di-dalam kampung², jikalau sakira-nya satu geran itu di-pechah²kan kepada banyak² warith, maka tiap² orang warith itu akan menuntut hak² yang di-bagikan kepada-nya di-dalam geran² itu. Maka selalu-lah menjadi kesusahan, kepayahan dan menjadi tuntutan² di-antara warith² dan pergadohan² di-antara warith. Maka tanah yang di-bahagikan kepada warith² itu tidak mendapat keuntungan dan fa'edah kepada warga negara itu. Saya menyebutkan perkara ini kerana ini adalah bersangkut-paut dengan Undang² Small Estate Distribution Ordinance, 1955. Kerana ada tanah² di-dalam Undang² itu jika sakira-nya mana² warith itu tidak chukup umur atau pun ta' mahu hendak memberi persetujuan hendak di-jual atau pun di-lelong maka tanah itu hendak-lah di-bahagikan kepada warith² dan kadang² tanah² itu terlampau kechil untuk menchukupi sara nafkah kepada warith² itu.

Dan sa-perkara lagi yang saya hendak chakapkan ia-itu berkenaan dengan chadangan Kerajaan hendak menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian yang besar dalam perusahaan lombong. Saya sangat-lah sukachita dan menyokong penoh di-atas chadangan ini. Dan saya berharap Kerajaan dengan segera-nya mengadakan scholarship² supaya menghantarkan anak² Melayu keluar mempelajari hal Juru Tera berkenaan den an lombong dan saya berharap supaya orang² lain yang pada masa sekarang ini melombong memberi peluang kepada anak² Melayu supaya mempelajari dalam lombong² mereka itu dan saya berharap Kerajaan akan meminta kepada pelombong² orang yang bukan Melayu itu supaya menerima orang² Melayu bekerja di-dalam lombong² mereka itu dan memberi segala pengalaman yang di-kehendaki untuk orang² Melayu membukakan lombong sendiri.

Dan sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan ia-itu Kerajaan sedang pun menggalakkan sekolah orang dewasa dan sa-buah Jawatan-Kuasa

sedang menimbangkan perkara hendak meluaskan pelajaran dewasa. Saya sangat-lah menyokong di-atas chadangan ini, dan saya berharap dalam masa kahapan ini, Kerajaan menyegerakan kerja² untuk hendak memberikan pelajaran kepada orang² dewasa. Kerana walau bagaimana baik sakali pun ranchangan² yang kita buat untuk orang² di-kampung, bagaimana banyaknya duit hendak kita churahkan kepada orang² kampung itu, tetapi jika sakiranya orang kampung itu ta' tahu hendak membacha dan menulis maka tentu-lah kerja² itu akan lambat dan kerja² mendapatkan kemajuan itu tentu-lah tertinggal. Yang demikian satu perkara sangat² besar pada fikiran saya ia-lah memberi orang² kampung yang ta' tahu menulis dan membacha itu mengetahui membacha dan menulis dan supaya fikiran mereka itu lebeh luas lagi. Saya berharap kalau sakira-nya boleh Jawatan-Kuasa ini hendak-lah memikirkan ada-kah atau tidak patut-nya kita mengeluarkan satu Undang² memaksa-orang² di-kampung itu mempelajari tulis-menulis dan bacha-membacha. Kerana saya rasa, jikalau sakira-nya kita membuat satu Undang² begitu kemajuan yang hendak chapaikan itu kita akan chapaikan dengan lebeh chepat lagi. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya berkenaan titah di-Raja itu.

Dan saya rasa seronok, dharurat kita ini akan tamat pada 31 July ini dan saya selalu-lah bertanya² kepada diri saya, mengapa-kah, jikalau sakira-nya pehak kominis ini telah tidak ada harapan sedikit pun hendak mendapat kemenangan di-dalam peperangan mereka itu terhadap negeri kita ini, maka mereka itu tidak mahu serender, tetapi menunggu sa-hingga kita hapuskan mereka itu semua sakali. Dan saya maseh ingat lagi pada masa dahulu, pada masa mereka itu mengishtiharkan perang negeri kita ini, negeri kita ini maseh lagi dalam penjajahan dan mereka itu berkata, mereka itu mengishtiharkan perang mereka itu dengan tujuan hendak menghapuskan penjajahan. Tetapi selepas kita telah mendapatkan kemerdekaan dengan tidak menumpahkan sa-titik darah pun, maka saya berasa hairan mengapa-kah mereka meneruskan perjuangan mereka

yang haram itu. ekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan di atas ucapan titah di-raja yang telah di-lafadzkan dalam ucapan pembukaan Parlimen yang kedua yang telah di-langsungkan baharu² ini, tetapi setelah mengkaji dan memahami butir² titah Duli Yang Maha Mulia itu, saya dapati bahawa banyak tujuan² yang baik yang akan menjadi dasar untuk di-laksanakan bagi kebaikkkan negeri ini. Dalam beberapa perkara yang telah di-ucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-lah mengenai Jabatan Makan Suap. Sa-sabuah negara yang akan kekal kukuh dan sempurna tadbiran-nya apabila dalam negara itu dapat di-kikis terus menerus apa yang di-katakan *rasuah* atau pun makan suap. Saya mengalu²kan di-atas sikap Kerajaan sakira-nya dapat benar² bertindak untuk menghapuskan perkara ini dari yang sa-besar² hingga-lah yang sa-kecil²-nya. Perkara makan suap ini bukan sahaja berlaku kepada perkara yang kecil sahaja bahkan juga kepada perkara yang besar, yang besar patut di-hapuskan, yang kecil juga patut di-hapus dan di-habiskan, oleh kerana yang kecil itu kalau di-kumpulkan maka besar juga jadi-nya. Tetapi, sa-jauh mana-kah akan di-laksanakan perkara ini tidak-lah saya ketahui. Kita tidak dapat menyangka atau menaruh wasangka kepada sesiapa, tetapi untuk kepentingan negara, izinkan-lah saya memohon untuk menerangkan betapa penting-nya pelaksanaan yang sebaik²-nya hal ini, sa-bagai chontoh yang pernah di-lakukan oleh pemerintahan Islam. Pada zaman pemerintahan Islam dahulu bahawa satriap² Governor, Menteri², Pegawai Tinggi dan lain² lagi yang semua-nya harus-lah mendaftarkan harta benda mereka kepada pemerintah pada mula² mereka itu menjawat jawatan. Dalam dasar Kerajaan Islam itu tidak bererti tidak meletakkan keperchayaan kepada orang² yang dilantek itu, sudah jelas orang² di-zaman itu ada-lah kuat iman, tetapi telah di-lakukan pada suatu masa dahulu maka ini bererti bahawa demi kepentingan negara dan kebaikkkan pemerintahan patut di-lakukan. Kebetulan pula kita

di-sini sudah meresmikan Islam sebagai agama resmi negeri ini, oleh itu saya rasa tidak-lah salah kalau negara kita ini berbuat demikian.

Ini satu pandangan yang baik pada kita, saya tidak menaruh jahat sangka, chuma saya mengharapkan kita mengambil contoh negeri Islam pada masa yang telah lalu

Engku Muhsein: Untuk penerangan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Negeri² Trengganu dan Kelantan yang Menteri² Besar-nya mendaftarkan harta benda mereka kepada Kerajaan?

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu belum lagi, kerana semua undang² di-buat oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam soal undang² itu semua-nya ada-lah berkaitan dengan Persekutuan. Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat itu saya fikir tidak berapa tepat. Saya ingin menyentoh titah ucapan Baginda mengenai Jabatan Penerangan berhubung dengan gerakan² penerangan, yang mana sangat-lah baik khas-nya ditambah ia-itu usaha² penerangan agama akan di-adakan dengan satu perkara yang baharu yang selama ini belum pernah di-adakan. Ada orang bertanya kepada saya bahawa apa-kah oleh kerana PMIP, maka timbul satu masa²-alah baharu berhubung dengan Jabatan Penerangan yang berbelas² tahun itu tidak ada menyiarkan atau menyebarkan hal² agama, tetapi sekarang pula telah mengadakan bahagian agama? Tetapi, tidak-lah saya berucap untuk mengkritik dan menempelak, sebaliknya saya mengalu²kan, sambil mengharap jangan di-salah gunakan.

Berhubung dengan radio, saya telah pun mengemukakan soalan ini, dan telah di-jawab. Kenyataan-nya itu belum lagi saya baca, tetapi harapan saya semoga radio sa-bagai satu alat yang maha penting dalam dunia modern ini dapat di-gunakan serta di-siarkan kepada ra'ayat jelata dengan sa-luas²-nya, jika tidak ada-lah sia-sia sahaja. Mengenai agama Islam, saya berharap dalam pelaksanaan-nya supaya dapat di-teruskan soal jawab agama yang biasa di-lakukan di-beberapa tahun yang lalu, tetapi khabarnya sa-sudah timbul jawapan dari

Radio Malaya mengenai pertanyaan tentang hal² adat istiadat perpateh di-Negeri Sembilan maka telah pun di-jawab, kemudian daripada itu Radio Malaya tidak pernah lagi menyiarkan soal² mengenai jawapan agama. Saya fikir Kerajaan patut-lah menyiarkan perkara² yang penting dan harus-lah kerana kebenaran maka mesti di-tegakan walau bagaimana pahit sekali pun.

Di-samping itu saya juga mengalu²-kan mengenai Pembangunan Luar Bandar, oleh sebab kita sama² ma'alum bahawa Kemajuan Luar Bandar itu tertinggal benar semasa penjajahan berkuku di-negeri kita ini, tetapi seperti yang telah saya ucapkan dalam persidangan meshuarat pada bulan December dahulu, kalau tak salah bahawa Kerajaan hendak-lah memberi beberapa keutamaan yang agak istimewa kepada pantai timur bukan sahaja negeri Kelantan dan Trengganu bahkan daripada pantai timur Johor sampai-lah ka-negeri Kelantan. Ini erti-nya apa yang telah saya katakan tadi dapat difahami sama² oleh sekalian kita, yang mana kita sama² ma'alum betapa mundur-nya kawasan² luar bandar, kalau di-ukor atau di-bandingkan di-antara pantai timur dengan pantai barat.

Saya tertarek juga dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan ada-nya Jawatan-Kuasa Menyemak Pelajaran Dewasa atau pun Pelajar² Dewasa yang baharu sa-bentar tadi sahabat saya Yang Berhormat Enche' Mohd. Zahir telah pun mengalu²-kan peri mustahak-nya perkara tersebut. Saya suka menambah keterangan beliau, kalau Kerajaan sanggup membuat undang² maka ada baik-nya, tetapi saya suka-lah juga memberi satu pandangan yang bernas ia-itu "Di-mana ada kemahuan, di-situ ada jalan." Kita telah sedar bahawa sa-kira-nya ra'ayat tidak tahu membaca atau buta huruf, maka segala apa yang di-buat oleh Kerajaan tidak-lah ada guna-nya sa-hingga ra'ayat boleh di-permain²kan oleh golongan² yang tidak bertanggung jawab. Satu contoh di-negeri Turkey, negeri Turkey pada permulaan-nya menjadi Republic. Kamal Attaturk telah pun menetapkan penukaran huruf jawi kepada haruf rumi

untuk menyedarkan ra'ayat dan membasmikan buta huruf. Bukan sahaja diarahkan oleh beberapa orang untuk mengajar ra'ayat, akan tetapi beliau sendiri sa-bagai bapa bangsa Turkey, bersama² Menteri²-nya, pemimpin² parti politik, pemimpin² negara, pegawai² Kerajaan, keluar daripada pejabat-nya dengan motor-car membawa papan pergi ka-kampung² mengajar ra'ayat supaya dapat dibasmikan buta huruf; ini satu contoh yang di-buat oleh manusia, dan marilah kita chuba contoh ini, jika dapat sa-boleh²-nya untuk mengatasi soal ini sa-bersapa chepat yang boleh. Dan, Tuan Yang di-Pertua, di-hujung dalam perkara ini ada satu masa'alah dalam Jawatan-Kuasa itu di-kaitkan juga dengan masa'alah perkara mengajar bahasa Melayu pada orang² yang bukan Melayu. Saya rasa sa-kali pun ada niat yang baik bagi pihak Kerajaan dan saya bersama² dengan Kerajaan pada batin-nya dalam perkara itu. Saya tidak-lah berapa setuju benar, kalau dalam perkembangan bahasa kebangsaan ini, Kerajaan seperti mana yang telah lalu ada bertanya² juga kepada pihak² yang mengadakan kelas² untuk mengembangkan bahasa kebangsaan kepada pengikut² mereka ia-itu parti politik, saya rasa dalam perkara mengembangkan bahasa kebangsaan ini bebaskan-lah; siapa² sahaja yang ingin mengadakan kelas² untuk mengembangkan dengan sa-banyak² dan sa-luas²-nya bahasa kebangsaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai dengan pertahanan, nyata dan tegas mengenai kemenangan² kita menentang komunis dan saya seperti dahulu—seperti biasa juga—sikap saya menjunjung tinggi atas kejayaan kita menghancurkan komunis. Tetapi dalam perkara number 2 soal ini mengenai dengan Pasokan Polis. Saya nampak, sa-sudah saya membaca dan memahami ayat² yang tersusun dalam ucapan itu ya'ani sa-sudah dharurat ini habis, Pasokan Polis yang di-sebutkan Polis Biasa hendak-lah di-kekalkan sa-banyak mana yang cukup untuk menjalankan kewajipan-nya. Pada fahaman saya ini bererti jumlah

Pasokan Polis yang ada hari ini akan di-kurangkan, erti-nya akan ada-lah orang² polis yang akan di-berhentikan beranum²; sa-hingga tinggal-lah jumlah yang memadai sa-bagaimana yang ditetapkan. Saya berdiri sama dengan Kerajaan tentang perkara ini benar dan betul, sebab tidak ada gunanya terlalu besar, ini akan menjadi satu beban kepada Kerajaan apabila keadaan² tidak memerlukan ada-nya jumlah yang begitu besar. Akan tetapi jika benar-lah apa yang saya duga ia-itu jumlah Pasokan Polis akan di-kurangkan, maka saya mengharapkan sa-moga Kerajaan telah pun menyediakan rancangan² yang tetap kepada orang² yang akan di-berhentikan kepada pasokan ini, supaya jangan-lah mereka terlantar atau sa-sudah di-berhentikan baharu di-ranchangkan; sa-hingga mereka itu merunta² kerana penderitaan, kerana kesusahan dan sa-bagai-nya. Jadi saya harap persediaan telah pun di-buat apabila ini akan di-jalankan tidak lama lagi. Tuan Yang di-Pertua, dalam apa yang di-ucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai dengan pelajaran, tidak-lah banyak saya akan sentoh, tetapi saya menyambong apa yang telah di-ucapkan oleh sahabat saya Enche' S. O. K. Ubaidulla mengenai dengan pelajaran agama di-sekolah². Pelajaran agama ini satu perkara yang besar yang telah di-laksanakan di-zaman penjajah yang chuba menghadang, oleh kerana pengaruh agama itu memang besar, agama memang kuat, kalau pelajaran Islam di-wujudkan dalam jiwa tiap² penduduk. Saya mengahukan² dan berdo'a supaya kejayaan bertambah baik sa-bersapa chepat, saya berharap benar supaya dalam susunan pelajaran agama ini satu daripada perkara yang paling penting ia-lah sejarah Islam (history of Islam).

Orang tidak akan chintakan Islam itu kechuali ia kenal, dan apabila orang tidak kenal sejarah Islam, orang tidak akan tahu, tidak akan peduli rukun hadath, sembahyang lima waktu dan apa juga jika ia tidak kenal; ini telah di-laksanakan di-zaman dahulu dan ini telah menyebabkan umat Islam tidak menchintai Islam. Sa-hinggakan jika saya bertanya kepada sa-orang

sahabat saya, "tahu-kah Omar ibni Khattab" ya, tahu, kata-nya siapa? Satu daripada sahabat Nabi, apa sejarah-nya (history) bagaimana keagongan-nya? "ta' tahu". Tuan tahu Abraham Lincoln? Ya, kenal, bagai² panjang-nya, sa-ribu kah ia kenal Abraham Lincoln daripada riwayat hidup Omar ibni Khattab; sayang sa-orang muslim tidak kenal pembesar Islam itu sendiri, orang tidak menghargakan perjuangan-nya. Sebab itu orang takut P.M.I.P. konon-nya akan berlaku kezaliman dan kejahatan, kalau P.M.I.P. memerintah hilang ke'adilan.

Saya bertanya kepada kawan² saya, tahu-kah Umi Salmah, tahu-kah Siti Aishah? Tahu, Umi Salmah barangkali satu orang yang pernah ada di-medan perang bersama² dengan Rasulullah di-medan uhud, Siti Aishah isteri Rasulullah yang muda, tetapi lebih jauh ta' tahu. Saya bertanya, kenal Joan of Arc? Ya, kenal—pahlawan Perancis yang sanggup berkorban untuk Perancis, sahingakan di-bakar hidup², kerana pengorbanan pada tanah ayer-nya sendiri. Ini-lah saya harap untuk memberi pelajaran pendidekan Islam kepada anak² Islam supaya kenal sejarah itu betul², kalau tidak akan tersia²-lah apa yang telah kita chuba hendak memberi pendidekan Islam, sebab "ta' kenal, ma a ta' chinta." Belajar-lah rukun Islam, belajar-lah rukun Iman, ta' tertanam di-jiwa-nya, macham "ayer di-daun keladi" sa-mata².

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah harapan saya, benar² memohon supaya Kerajaan melaksanakan perkara ini, sa-baik²-nya dalam semua sekolah, dalam kutub khanah (library) dan sa-bagai-nya. Samoga dengan ini tanah ayer kita ini tidak akan kita khuatirkan dan bimbangkan akan perkembangan pengaruh faham komunis yang tidak mengaku Tuhan. Jadi saya minta benar² kepada Kerajaan "saya ulangi" meminta supaya Kerajaan melaksanakan perkembangan pelajaran ini sa-hingga berkesan benar dan tidak-lah ada orang yang ragu² kebaikan Islam apabila orang telah kenal dengan Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara lagi, perkara ini saya patut

terangkan. Dalam perkara ke'adilan telah pun di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan saya rasa tertarek di-atas perkara ini, ia-lah mese'alah Undang² yang juga telah di-katakan di-sini di-jemput pakar yang tertentu daripada negera² Commonwealth untuk menolong menyudahkan perkara yang mustahak ini. Saya, barangkali tidak dapat memberikan fikiran yang tepat oleh kerana barangkali ta' kena pada tempat-nya tetapi saya ingin benar kalau sa-kira-nya dalam penyusunan Undang² bagi negeri kita ini, biar-lah di-perhatikan dan di-tehtikan juga dari sudut perundangan Islam. Sebab, bukan saya membawa sentiment kerana sa-tiap orang mengatakan PAS ini mahu benar hukum Islam tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini dan kepada Parlimen kita, kepada manusia Tanah Melayu, kepada manusia seluroh dunia, Undang² Islam itu mempunyai unsur² yang sesuai dengan Tabi'i dan sanggup tegak di-mana² pun. Dan kebetulan oleh kerana kita ini hendak menyusun dan menokok maka biar-lah di-pinda Undang² itu, apa-tah lagi sudah kebetulan Islam menjadi ugama rasmi bagi negeri kita ini. Dan mengenai bahasa Melayu, sakali pun kita maseh menunggu sa-hingga sampai 10 tahun sa-sudah merdeka, saya ingin benar sa-bagaimana saya telah ucapkan dalam persidangan yang pertama dahulu mengenai bahasa Melayu ini, sa-boleh²-nya biar-lah segala Bill² itu di-chuba² kembangkan bersama² dengan bahasa Melayu supaya mudah difahami oleh orang² yang kurang faham dalam bahasa Inggeris dan sakali pun bahasa Melayu itu tidak menjadi bahasa muktamat dari segi Perundangan—belum di-rasmi-kan betul² tetapi memada²-lah untuk panduan dan perhubungan² dalam kita melaksanakan bahasa Melayu di-sisi Peru dang²an. Sakian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Cheah Toon Lok: Mr. President, Sir, I wish to associate myself with the thanks to His Majesty for His Gracious Speech and the policy enunciated therein. There are certain aspects of the policy which,

I believe, require the attention of this House. One of the aspects is about rural development. I have asked an expert, who came down here to formulate this policy for us, what would happen to a village if after it had been opened up and all the people there having enjoyed the amenities like that of a town, were to drift back to the town and leave the village empty. He told me that there was no reply to my question because that is the problem which is found in America, in Europe and in every part of the world, and they haven't found an answer to that. I know that in villages which I had visited some 20 years ago, where we developed schools and where we gave all the amenities of the town but not to the standard of the town, all the village people, especially the young men, drifted back to the towns because the amenities provided were unequal to that of the towns. And when I went back to the villages five years later, I found that there were only old men and children in the villages and no able-bodied young men. The reason is that the towns offer them better wages, better accommodation and better facilities for entertainment. And so we opened up a country and left it empty later of young adults. That is one of the most acute problems not only in Malaya, where we are about to have rural development, but of all the world. To-day, Sir, even in America itself these big villages are empty because there is a drift to the towns.

Another aspect of Government's policy which has not been stressed upon and which is so important, so important that the world had been focussing on us without our knowledge, is the process known as conditioning—a process which was invented by Professor Pavlov, a professor of psychology and physiology in the University of St. Petersburg. If you put an animal to a certain process, the animal will be conditioned to the process. That is what we call to-day "brain-washing" in the terms of the Communist language. But have we done anything of importance to our country so as to have what is known as a Department of Psychological

Planning to plan for our people so that they will focus their attention in all what they do, instead of being dreamers only—just like sleep-walkers, going to the cinema and seeing the advertisement "Brylcreem is good" and then going and buying Brylcreem, or that soap is good and they go and buy it? Again, when the cinema shows western pictures, the children will go home and dress like Indians and cowboys and with guns and imitate what the cinema is showing. That is a process of conditioning to which modern civilization is being accustomed to, and that is a thing that will ruin the people because we are getting things which are not suited to our people, as they are conditioned by the process of advertisement, by the process of this post-hypnotic suggestion. Yet, with all these things coming to the brain and to the mind, we have not got a department to combat them, so that what is suitable for our country, for our people and for our soil is found. I suggest that Government must plan a course for students, who are able to go abroad, to study this psychological process of planning, so that when they come back they will be able to combat that subtle form of post-hypnotic suggestion that we hear in the radio, we see in the cinema and we read in our newspapers. I think that is very important for us, if we want to exist as a civilization, a Malayan civilization or a Malayan nation to-day to realize our position. We are only dreaming. What we thought of—about the rules of government, etc., had been suggested by others; everything had been done abroad; and we are just imitating them. Can't we have something original from ourselves, from our own people, from the mixture of cultures and mixture of races in our country? I suggest that Government take note of this: that we have a Department of Psychological Planning so that we have a really true Malayan culture and a true Malayan nation in our midst.

The third point which I want to raise is the point which has already been raised by the Honourable Mr.

T. H. Tan about the new villagers. These people had suffered acutely through all these years of the Emergency and it is but right that they should be given consideration. If they have not got land, let them have the piece of land in which they are staying now, so that we can express a form of thanks to the people who have endured so much for our sake and for those few who have suffered so much for the benefit of so many. I hope the Government will do something for these poor people in the new villages and others too in the towns who were every day subjected to the psychological treatment of the Communists—the people who stay in the rabbit warrens of their cubicles. There are hundreds and thousands of them living in cubicles—10 or 20 to one cubicle. Have we done anything for these people? They have not an inch of land of their own and I think it is about time that the attention of the Government is drawn to these people who sleep in rabbit warrens. These are the people who might create a revolution in Malaya and we must take steps to see that they come within our scheme so that they become loyal citizens of this country, so that they will give service and loyalty to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and to the Government of Malaya which to-day is doing everything for the good of our country.

Enche' Nik Hassan: Dato' Yang di-Pertua, sa-bagai mengucapkan tahniah di-atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerana memberi dengan sepenoh-nya pandangan dan laporan tentang kemajuan dan kerja² yang akan di-jalankan oleh Kerajaan. Maka saya bersama² dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain merasa gumbira di-atas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebagaimana saudara saya daripada Kedah, Yang Berhormat Enche' Mohd. Zahir telah mengatakan bahawa perkara yang penting yang kita rasa berbesar hati dan sukachita seperti yang telah di-lafadzkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ada-lah kerana kedudukan kewangan

kita pada masa hadapan yang mana ada-lah berupa satu harapan yang baik bagi perubahan yang baharu kepada pergerakan dan kemajuan negeri kita ini. Sa-lain daripada itu perkara yang kedua mustahak-nya ialah pegawai² yang cekap dan cergas dalam menjalankan kerja² yang akan di-jalankan oleh Kerajaan itu. Sa-kiranya kita mempunyai wang yang cukup dan kita mempunyai pegawai² yang cergas serta baik dalam menjalankan kerja negeri ini, maka masa'alah kemiskinan, masa'alah kesempitan, masa'alah kemiskinan ra'ayat tidak akan timbul dalam negeri kita ini.

Kita di-sini baharu mendengar satu fikiran, satu arahan, satu kursus yang di-beri mengenai sejarah Islam, mengenai pemerintahan Islam, mengenai chara² yang baik mengikut undang² Islam. Saya junjong tinggi kepada chita² yang baik itu yang mana tiap² orang Islam dalam negeri ini merasa megah sakira-nya undang² Islam ini dapat di-jalankan dengan sepenoh²-nya di-tanah ayer kita ini. Maka tidak sa-orang Islam pun yang akan menentang, atau takut dudok di-dalam negeri yang menjalankan hukuman Islam itu, tetapi mereka sebenar-nya takut kepada PMIP, bukan kepada Islam. (Tepok) PMIP ada-lah satu pertubuhan politik yang menggunakan Islam sa-bagai satu alat untuk mencapai chita² politik-nya, tetapi Islam ada-lah satu agama yang di-turunkan oleh Tuhan dan Nabi Muhammad ada-lah Nabi yang menjadi pemimpin Islam. Dari itu, tidak-lah Dr. Burhanuddin (Ketua Party PMIP) di-turunkan oleh Allah untuk memimpin kita di-dunia ini. Saya rasa mustahak benar kita memikirkan dengan lebih jelas lagi tentang perkara² mengenai hukum² agama Islam ini. Ramai orang mengatakan kenapa kita takut kepada agama Islam, kenapa kita takut menjalankan hukum² Islam, dan kenapa kita tidak pula menyokong parti yang sanggup menjalankan hukum² Islam. Sa-benar-nya ra'ayat tidak takut kepada hukum² Islam, tetapi hari ini di-Negeri Kelantan dan Trengganu di-mana dalam Dewan ini kita ada mempunyai ahli² yang datang-nya daripada Parti Islam, dan apa yang berlaku di-Dewan Ra'ayat dapat kita mengetahui-nya

dengan jelas di-mana duduk-nya Islam dan di-mana ~~duduk~~ duduk-nya Party PMIP yang menjadi ~~parti~~ parti yang menganjorkan gerakan Islam. Mereka itu menentang terhadap pindaan perlembagaan untuk menghentam komunis dalam negeri ini. Mereka menentang usul Kerajaan bagi meminda perlembagaan untuk menghanchorkan gerakan *subversive* dalam negeri ini. Ada-kah Islam menyuruh kita menyokong gerakan *subversive Communist*? Ada-kah Islam menyuruh kita menahan segala kaki-tangan Kerajaan daripada naik pangkat di-Negeri Kelantan? Saya rasa Islam tidak menyuruh

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut saya menchelah bahawa apa yang telah di-ucapkan oleh sahabat saya itu, kerana anggota PAS di-Dewan Ra'ayat tidak pun menentang undang² yang mengenai menentang komunis, tetapi apa yang di-tentang oleh anggota PAS di-Dewan Ra'ayat ia-lah

Enche' Nik Hassan: Tidak menen-tang komunis?

Enche' Amaluddin bin Darus: perkataan "*subversive*" ia-itu pindaan-nya dengan tegas menyebutkan *anti-Communist*, chuma dalam ucapan—perkataan—dalam undang² *subversive* itu merupakan pengertian yang terlalu umum di-mana dalam pengertian itu yang di-tentang.

Enche' Nik Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukachita mendengar-nya keterangan² beliau itu, dan saya perchaya bahawa keterangan yang kedua akan di-beri pula. Ucha-paan "*terima kaseh*" kepada komunis yang menghapuskan gerakan bersenjata dalam negeri ini, kerana dalam pengertian "*terima kaseh*" itu ada-lah menunjokkan bahawa ini ada-lah satu perasaan timbang rasa dengan pergerakan komunis dalam negeri kita ini. (Hear! Hear!) Ada-kah Islam menyuruh terima kaseh kepada komunis? Ada-kah Islam menyuruh segala perkara bagi menjalankan pekerjaan, yang boleh menghanchorkan negeri kita daripada keselamatan dan ke-amanan bangsa kita? Saya rasa ini ada-lah satu perkara yang patut di-sedari, bukan sahaja oleh Ahli² Yang

